

## **FAKTOR YANG MENDORONG INDIVIDU UNTUK MEMBUAT PEMBIAYAAN PERIBADI**

**Mohd Azam Hj. Yahya (PhD)**

Institut Pengajian Siswazah

Kolej Universiti Islam Melaka

*azamyahya@kuim.edu.my*

**Muslihah Mazlan**

Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

**Suhaimi Abu Hassan**

Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Pembiayaan peribadi merupakan satu produk kewangan daripada institusi perbankan Islam untuk membantu keperluan kewangan peribadi individu dan dikehendaki untuk membayar semula pembiayaan tersebut mengikut perjanjian yang telah dimeterai bersama antara pihak bank dan pelanggan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mendorong individu untuk membuat pembiayaan peribadi. Metod kajian berbentuk kualitatif iaitu kepustakaan dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan yang berautoriti serta artikel-artikel yang diperolehi melalui media massa arus perdana bagi mendapatkan penjelasan secara umum mengenai asbab yang mempengaruhi individu di Malaysia membuat pembiayaan peribadi di institusi-institusi perbankan. Dapatan kajian ini mendapat terdapat dua (2) faktor besar diklasifikasikan untuk menjelaskan lagi situasi pengaruh tersebut iaitu pengaruh institusi perbankan serta diri sendiri. Pengaruh institusi perbankan seperti kemudahan pinjaman yang disediakan oleh pihak bank kepada pelanggan, ejen-ejen perbankan yang terlatih untuk menarik pelanggan dan sebagainya menjadi faktor utama yang mempengaruhi seseorang untuk melakukan pembiayaan peribadi. Manakala faktor kedua adalah pengaruh diri iaitu tabiat individu yang suka berhutang dan membuat pembiayaan bagi pembayaran hutang yang lain. Justeru dicadangkan beberapa panduan dan langkah pertimbangan dalam pengurusan perbelanjaan harian agar keperluan perbelanjaan mencukupi dan tidak mempengaruhi untuk membuat pembiayaan peribadi.

**Kata Kunci:** Pembiayaan Peribadi, Pengurusan Perbelanjaan, Faktor

## **FACTORS THAT DRIVE INDIVIDUALS TO MAKE PERSONAL FINANCING**

### **ABSTRACT**

*Personal financing is a financial product from Islamic banking institutions to assist the personal financial needs of individuals and is required to repay the financing in accordance with an agreement entered into between the bank and the customer. This study aims to identify the factors that motivate individuals to make personal financing. The qualitative research method is the library with reference to authoritative reading materials and articles obtained through the mainstream mass media to get a general explanation on the reasons that influence individuals in Malaysia to make personal financing in banking institutions. The findings of this study found that there are two (2) major factors classified to further explain the situation of the influence, namely the influence of banking institutions and themselves. The influence of banking institutions such as loan facilities provided by the bank to customers, banking agents trained to attract customers and so on are the main factors that influence a person to make personal financing. While the second factor is self-influence which is the habit of individuals who like to borrow and make financing for the payment of other debts. Therefore, some guidelines and measures are considered in the management of daily expenses so that the expense needs are adequate and do not influence to make personal financing.*

**Keywords:** Personal Financing, Expenditure Management, Factors

### **PENGENALAN**

Harta merupakan pemberian dan anugerah Allah SWT. Maka adanya ketentuan dan ketetapan bagi golongan yang mendapat rezeki yang lebih berbanding orang lain untuk berkongsi dan memastikan harta tersebut dapat juga dinikmati oleh golongan yang tidak bernasib baik. Hakikat tolong-menolong dan saling bantu-membantu banyak dinyatakan dalam al-Quran sebagai panduan dan peringatan kepada manusia. Antaranya adalah firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf (32) :

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۝ تَحْنُنُ قَسْمَنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

۝ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَحَاتٍ لَّيَتَّخَذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا ۝

وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Maksudnya: “Apakah mereka yang membahagikan rahmat Tuhanmu? Kami telah menentukan antara mereka kehidupan di dunia dan Kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjah agar sebahagian mereka dapat mengambil manfaat (membantu dan menolong) sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan”.

Amalan pinjaman dan berhutang merupakan salah satu daripada konsep tolong-menolong dan bantu-membantu bagi memenuhi tuntutan kehidupan harian mereka. Islam mengharuskan kepada umatnya untuk berurus dengan hutang piutang dan pinjam meminjam ini kerana ia mempunyai daya usaha saling bantu-membantu dan tolong-menolong sesama mereka. Bagi pihak yang berhutang pula, ia memberi banyak kemanafaatan sekiranya hutang dan pinjaman yang dibuat menepati kepada keperluan dan kehendak hidup yang minimum (Mohd Azam Yahya, 2018).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kepustakaan sahaja dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan yang berautoriti bagi mendapatkan penjelasan secara umum mengenai asbab yang mempengaruhi individu di Malaysia membuat pembiayaan peribadi di institusi-institusi perbankan. Data-data diperolehi melalui media massa arus perdana seperti artikel-artikel dalam akhbar harian, berita-berita utama dalam saluran televisyen dan majalah-majalah kewangan. Hasil kajian ini dapat menterjemahkan mengenai gaya dan sikap masyarakat di Malaysia terhadap amalan pembiayaan peribadi seterusnya dapat membuka ruang kajian seterusnya berbentuk kuantitatif terhadap sesuatu kelompok masyarakat.

## **HASIL KAJIAN**

### **Faktor-Faktor Pembiayaan Peribadi**

Pengaruh pembiayaan peribadi adalah faktor-faktor yang mendorong dan mempengaruhi seseorang untuk membuat pembiayaan peribadi. 2 faktor besar diklasifikasikan untuk menjelaskan lagi situasi pengaruh tersebut iaitu :

#### **a) Pengaruh Institusi Perbankan**

- i. Pihak bank memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran semula dengan memotong gaji bulanan (IKIM online, 9 September 2016). Pelanggan tidak perlu bersusah payah untuk pergi ke cawangan-cawangan perbankan dan beratur untuk membuat pembayaran pada setiap bulan.

- ii. Ejen-ejen perbankan merupakan individu yang terlatih untuk menarik pelanggan menikmati sebarang kemudahan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Ayat-ayat yang diungkapkan oleh iklan-iklan dan ejen-ejen perbankan mempengaruhi dan menarik minat untuk membuat pembiayaan peribadi (IKIM online, 9 September 2016), (Harian Metro, 22 Mei 2017).
- iii. Institusi perbankan juga mengedarkan iklan-iklan dan pamphlet-pamphlet dengan begitu banyak di mana tempat termasuk tempat-tempat tumpuan awam seperti tapak letak kereta pasaraya utama dan kedai isian minyak (IKIM online, 9 September 2016), (Astroawani online, 4 Julai 2017).
- iv. Institusi perbankan juga memberi kelulusan yang mudah, cepat dan mendapat tunai dengan segera (IKIM online, 9 September 2016)<sup>90</sup>.
- v. Faedah dan keuntungan yang dikenakan adalah rendah (IKIM online, 9 September 2016), (Harian Metro, 22 Mei 2017)<sup>91</sup>
- vi. Jumlah pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh institusi perbankan adalah tinggi sehingga RM 200,000. Jumlah ini menarik perhatian pelanggan yang ingin meminjam untuk keperluan sesuatu yang besar seperti pembelian rumah dan pelaburan (IKIM online, 9 September 2016)
- vii. Institusi perbankan juga tidak mensyaratkan penjamin untuk mendapatkan kemudahan produk pembiayaan peribadi (IKIM online, 9 September 2016)
- viii. Bayaran yang fleksibel dan tempoh yang panjang. Pelanggan boleh membuat bayaran semula pembiayaan peribadi secara ansuran sehingga 10 tahun (IKIM online, 9 September 2016)
- ix. Institusi perbankan juga meletakkan syarat jumlah pendapatan yang rendah bagi menikmati kemudahan pembiayaan peribadi (Astroawani online, 4 Julai 2017)<sup>92</sup>

---

<sup>90</sup> Produk pembiayaan peribadi yang paling cepat diuruskan dan mendapat tunai segera adalah RHB Easy-Pinjaman Ekspres, lihat *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017.

<sup>91</sup> Bank Islam Malaysia Berhad merupakan institusi perbankan yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang mengenakan faedah terendah, lihat juga *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017). Lihat juga Harian Metro bertarikh 22 Mei 2017, *BSN Sedia Paket Pembiayaan Menarik*

<sup>92</sup> AgroBank merupakan institusi perbankan yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang mensyaratkan pendapatan paling rendah, lihat *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017).

### b) Pengaruh Diri

- i. Terdapat individu yang mempunyai sifat dan tabiat suka berhutang. Individu ini juga tidak rasa bersalah untuk berhutang (IKIM online, 9 September 2016), (JAKIM, diakses pada 29 Mei 2017), (KPDNKK, diakses 22 Mac 2017).
- ii. Membuat pembiayaan peribadi untuk membuat bayaran pendahuluan membeli rumah dan kereta (IKIM online, 9 September 2016)
- iii. Meminjam untuk menambah aksesori dan mencantikkan lagi kereta dan rumah (IKIM online, 9 September 2016).
- iv. Meminjam untuk membayar dan menutup hutang yang lain (IKIM online, 9 September 2016).
- v. Pinjaman yang dibuat adalah untuk menyambut hari-hari keraian seperti majlis perkahwinan dan sebagainya (IKIM online, 9 September 2016).
- vi. Kos hidup yang semakin tinggi (Utusan online, diakses pada 9 September 2016), (Utusan online, diakses pada 28 Mac 2017).
- vii. Meminjam untuk membina perniagaan dan melabur dalam saham-saham amanah (Kosmo online, diakses pada 9 September 2016).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Oleh itu, banyak faktor yang mempengaruhi seseorang itu berhutang seperti jurang pendapatan, kos sara hidup yang tinggi, keperluan hidup, kemudahan untuk membuat pinjaman yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan dan sikap yang tidak merasa puas dengan apa yang dimiliki. Namun begitu, keseronokan dan kesedapan berhutang ini boleh membawa kepada situasi yang tidak menyenangkan kepada penghutang sekiranya sikap peribadi tidak dapat dikawal. Banyak implikasi yang tidak baik kesan daripada berhutang ini antaranya adalah perasaan terbeban dengan pembayaran semula hutang, membawa kepada gejala muflis, terpaksa membuat dua kerja untuk menampung pembayaran hutang dan sara diri serta kehidupan harian keluarga menjadi porak peranda. Pihak bank juga tidak ketinggalan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan jumlah pembiayaan peribadi dalam kalangan masyarakat apabila mereka telah memberikan pelbagai incentif dan kemudahan dalam penawaran produk ini. Justeru, sedikit sebanyak gejala ini dipengaruhi oleh gaya perbelanjaan seseorang individu, digariskan beberapa cadangan sebagai panduan dan langkah pertimbangan dalam pengurusan perbelanjaan harian agar keperluan perbelanjaan mencukupi dan tidak mempengaruhi untuk membuat pembiayaan peribadi;

- a. Menganggarkan jumlah pendapatan keluarga setiap bulan
- b. Menentukan kategori perbelanjaan yang perlu pada setiap bulan.
- c. Membuat anggaran perbelanjaan dalam sebulan
- d. Merekodkan perbelanjaan
- e. Menilai semula perbelanjaan dan membuat penyesuaian
- f. Mengutamakan barang tempatan

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim
- AKPK Ambil Langkah Lebih Proaktif Terap Pendidikan Kewangan Kepada Mahasiswa, <https://www.akpk.org.my/my/news>, diakses pada 6 Mei 2017.
- AKPK Selesai Masalah Kewangan RM 476.6 Juta, <https://www.akpk.org.my/my/news>, diakses pada 8 Mei 2017.
- Bahaya Hutang Tetapi Anda Tidak Menyadarinya, <http://e-muamat.al.islam.gov.my/artikel/bahaya-hutang-tapi-anda-tidak-menyadarinya>, diakses pada 29 Mei 2017
- Beban Hutang Gugat Kebahagiaan, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140120/re\\_05/Beban-hutang-gugat-kebahagiaan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140120/re_05/Beban-hutang-gugat-kebahagiaan), diakses pada 28 Mac 2017.
- Belanja Tahun Baru Cina Naik, <http://m.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/belanja-tahun-baharu-cina-naik-1.437347>, di akses pada 11 Mac 2017.
- Belia Muflis Akibat Berbelanja di Luar Kemampuan, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re\\_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan), diakses pada 9 September 2016.
- Bendung Kenaikan Hutang Isi Rumah, <http://www.utusan.com.my/renanca/bendung-kenaikan-hutang-isi-rumah-1.342651>, diakses pada 20 Februari 2017.
- Bijak Rancang Pinjaman Peribadi, Harian Metro Online, lihat <http://www.hmetro.com.my/node/40226>, diakses pada 22 Mac 2017.
- Elak Pinjaman Peribadi, Elak Kad Kredit, Elak Hutang, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/buletin/8345-elak-pinjaman-peribadi-elak-kad-kredit-elak-hutang>, diakses pada 9 September 2016.
- Financial Stability, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&lang=bm>, diakses pada 27 November 2017.
- Hutang Isi Rumah Antara Yang Tertinggi di Asia, <http://www.astroawani.com/videos/show/buletin-awani/hutang-isi-rumah-antara-tertinggi-di-asia-11300>, diakses pada 6 Oktober 2015.
- Hutang Isi Rumah Masih Terkawal, <http://e-muamat.al.islam.gov.my/akhbarmajalah/hutang-isi-rumah-masih-terkawal>, diakses pada 25 Mac 2017)
- Hutang Membantu Atau Membelenggu, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7946-hutang-membantu-atau-membelenggu>, diakses pada 17 Ogos 2016.

- Kerajaan Terus Anjur Program Mengurus Kewangan,  
<https://www.akpk.org.my/news>, diakses pada 8 Mei 2017.
- Ketagih Berjudi Punca Pinjam Ahlong,  
<http://www.sinarharian.com.my/nasional/ketagih-berjudi-punca-pinjam-ah-long-1.162432>, diakses pada 10 November 2017.
- Langkah Membendung Kenaikan Hutang Isi Rumah,  
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/langkah-membendung-kenaikan-hutang-isi-rumah-17888>, diakses pada 6 Oktober 2015. Laporan ini merupakan temubual diantara pihak Astro Awani dengan Prof. Dr. Rajah Binti Rasiah, Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Lelaki Paling Ramai Terbeban Hutang,  
<http://www.sinarharian.com.my/nasional/lelaki-paling-ramai-terbeban-hutang-1.242806>, diakses pada 25 Mei 2017.
- Malaysia Antara Negara Berhadapan Hutang Isi Rumah Yang Meningkat,  
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-antara-negara-berhadapan-hutang-isi-rumah-yang-meningkat-19201>, diakses pada 6 Oktober 2015. Video ini adalah pernyataan daripada Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.
- Mohd Azam Yahya, Abd Basir Mohamad (2018), *Penjawat Awam dan Pengaruh Terhadap Pembiayaan Peribadi*, Jurnal Maw'izah, jilid 1 119-136.
- Membazir Ketika Perayaan Menjejeas Ekonomi,  
<http://www.bharian.com.my/node/170195>, diakses pada 13 Mac 2017)
- Nuradila Noorazam (2016), *Gaji Tidak Setara Faktor Utama Peningkatan Kos Sara Hidup di Malaysia*, Astroawani pada 23 September 2016, lihat laman web rasmi astroawani <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/gaji-tidak-setara-faktor-utama-peningkatan-kos-sara-hidup-di-malaysia-117473>, di akses pada 27 Mei 2017.
- Orang Kita Liat Bayar Punca Hutang, <https://www.akpk.org.my/news/949-orang-kita-liat-bayar-punca-hutang>, diakses pada 28 Mac 2017.
- Pembiayaan Semula Untuk Pembiayaan Peribadi, lihat laporan ini dalam Sinar Online di <http://sinar.fm/zon-interaktif/gaya-hidup/tip-sana-sini/pembiayaan-semula-untuk-pinjaman-peribadi>, diakses pada 25 Mac 2017.
- Perbelanjaan Berhemah Tangani Kos Sara hidup (13 Mac 2014),  
<https://www.akpk.org.my/content/610-perbelanjaan-berhemah-tangani-kos-sara-hidup>, diakses pada 17 Ogos 2017.
- Perlu Bijak Kendali Pinjaman Peribadi,  
[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0427&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0427&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm), diakses pada 9 September 2016
- Pening Bajet Raya : Sanggup Hutang Penuhi Kehendak,  
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/pening-bajet-raya-sanggup-hutang-penuhi-kehendak-1.405471>, diakses pada 10 November 2017

- Peningkatan Hutang Isi Rumah dan Peranan Masyarakat,  
<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/sinar-harian/9094-peningkatan-hutang-isi-rumah-dan-peranan-masyarakat> diakses pada 30 Jun 2015
- Pinjaman Peribadi : Ramai Terpedaya Kerana Nafsu,  
<http://kpdkkk.bernama.com/newsBm.php?id=1115475>, diakses pada 22 Mac 2017.
- Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia 2016, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017
- Profil Hutang AKPK dalam e-  
[muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/akhbar.../10/profil\\_hutang\\_akpk.pdf](http://muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/akhbar.../10/profil_hutang_akpk.pdf), diakses pada 29 September 2016.
- Trend Kahwin Buat Pinjaman Bank,  
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/trend-kahwin-buat-pinjaman-bank-1.432533>, diakses pada 13 November 2017.
- Zulkiply Omar (2016), *Peningkatan Kos Sara Hidup*, Berita Harian Online bertarikh 10 Februari 2016 dalam <http://www.bharian.com.my/node/122913>.